

TERKINI



Alias (kanan) menampal pelekat Perkhidmatan Rawatan ke Rumah sewaktu melancarkannya di KTSH, Kuala Terengganu hari ini.

Pengunjung Terengganu disaran lakukan saringan Covid-19

Oleh NORADILA MAHAMAD 14 Disember 2020, 6:34 pm



KUALA TERENGGANU – Individu yang memasuki Terengganu terutama dari zon merah di seluruh negara disaran agar menjalani saringan Covid-19 di klinik kesihatan terdekat sebaik tiba ke negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Terengganu, Dr. Alias Razak berkata, saringan Covid-19 berkenaan bukanlah mandatori.

Begitupun, beliau menjelaskan saringan berkenaan amat penting demi keselamatan kontak rapat mereka terutama dalam kalangan ahli keluarga sepanjang berada di negeri ini.

"Risiko atas diri mereka sendiri. Walaupun saringan (Covid-19) ini tidak diwajibkan, fikirilah yang terbaik jika sayangkan keluarga masing-masing.

"Pada masa masa, kita telah memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) di tempat awam terutama tumpuan ramai seperti Pasar Kedai Payang di sini," katanya selepas melancarkan perkhidmatan Rawatan ke Rumah Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Alias menjelaskan penularan pandemik Covid-19 di Terengganu masih terkawal dengan 25 kes aktif telah direkodkan setakat ini.

Jelas beliau, kebanyakan kes tersebut melibatkan kontak rapat yang telah dikuarantin awal.

"Dua kes import pula membabitkan warga emas yang pulang ke Terengganu untuk dijaga oleh adik beradik mereka," katanya. – K! ONLINE



POPULAR



360 individu ditahan ingkar PKP
14 Disember 2020, 10:09 pm



Bekas pengurus Liverpool meninggal dunia
14 Disember 2020, 9:52 pm



Penyelidik UnisZA rakam imej meteor Gemini
14 Disember 2020, 9:49 pm



United, Arsenal jumpa lawan sukar
14 Disember 2020, 9:45 pm



BERITA BERKAITAN



360 individu ditahan ingkar PKP

14 Disember 2020, 10:09 pm



15,346 rakyat Malaysia di Singapura diberhentikan kerja

14 Disember 2020, 9:43 pm



Netizen cemas sistem Google tergendala

14 Disember 2020, 9:32 pm



Lelaki ditahan bersama 4.47 juta rokok seludup

14 Disember 2020, 8:44 pm

IKLANKAN **PRODUK** ANDA DI SINI

Utusan Malaysia **Kosmo!**
Hubungi kami
sales@mediamulla.com.my



BUKAKA BONTENPORA!
Kosmo!

TERKINI
NEGARA
K2
HIB GLAM
DUNIA

NIAGA
SUKAN
AHAD
VIDEO
PREMIUM

LANGGANAN
LANGGAN
LOG MASUK